

27 MAY 1999

MAHATHIR-BON

SAMBUTAN LUAR DUGAAN KEPADA TERBITAN BON CERMINKAN KEYAKINAN PELABUR

Oleh: E Sivabalan and Mikhail Raj

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Sambutan luar dugaan kepada terbitan bon global 10 tahun Malaysia sebanyak AS\$1 bilion menunjukkan peningkatan keyakinan pelabur terhadap ekonomi Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

"Orangramai telah menerima bahawa ekonomi ia telah pulih. Mereka yakin dengan masa depan Malaysia dan sebab itulah mereka (pelabur) sedia melabur dalam negara ini.

"Terdapat minat yang besar terhadap bon-bon ini berdasarkan kepada lebih langganan 300 peratus," katanya kepada Bernama dalam satu temuramah selepas mengunjungi Raja Mswati III dari Swaziland.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata Malaysia hanya menerbitkan bon AS\$1 bilion bukan AS\$2 bilion kerana kadar faedah Amerika Syarikat telah meningkat, dan akibatnya julat juga bertambah.

"Kami menjangkakan julatnya berada (di paras) mada kita melancarkan (promosi bergerak) tetapi kini semua ekonomi negara-negara membangun mengalami kesan peningkatan kadar faedah dan pertambahan julat, hingga julat itu juga meningkat bagi mereka yang telah menerbitkan bon mereka," katanya.

"Julat bon Petronas juga meningkat," kata Perdana Menteri.

"Semua ini kerana masalah di Amerika Latin, terutamanya ekonomi Argentina, Brazil dan Mexico yang tidak begitu baik, ia mempengaruhi keseluruhan pasaran.

"Jadi kita terpaksa membayar faedah yang lebih tinggi sebanyak 8.75 peratus," katanya.

Ditanya bilakah terbitan akan datang dibuat, Perdana Menteri berkata ia akan bergantung kepada pasaran.

"Kami akan melihat pasaran. Jika kadar faedah stabil dan lebih baik, kami akan terbitkan AS\$1 bilion lagi," katanya.

Mengenai maklum balas dari pelabur asing semasa promosi bergerak, beliau berkata ia amat positif.

"Sebenarnya, promosi bergerak ini amat berjaya ramai oleh hadir dan mereka berminat untuk membeli bon-bon ini dan kami tidak menghadapi kesukaran mengenainya," katanya.

Ditanya apakah kegunaan wang yang didapati, beliau berkata ia akan diguna untuk "banyak perkara, tiada yang khusus, terutamanya untuk pemulihan ekonomi".

"Tentulah kami mempunyai dana yang cukup dalam sistem tetapi adalah perlu untuk kami mengadakan penarafan kami di pasaran bon," katanya.

Ditanya apa yang beliau akan kata kepada agensi-agensi penarafan kredit yang menurunkan taraf kredit Malaysia Jun lepas apabila ia baru hendak mengadakan promosi bergerak untuk menerbitkan bon.

Beliau berkata: "Agak biasa orang ramai tidak mengendahkan agensi-agensi penarafan kerana mereka banyak kali salah. Orang ramai tidak lagi bergantung kepada mereka, jadi orang ramai tidak mempedulikan mereka.

"Penarafan mereka dikeluarkan bukan selepas membuat penilaian yang benar tetapi mereka cuba bertindak, mungkin, berdasarkan kepada agensi peribadi mereka.

"Ini bermakna mereka telah hilang kepercayaan (tetapi) kita telah mendapat kepercayaan."

Mengenai keengganan memasukkan Malaysia ke dalam indeks Antarabangsa Modal Morgan Stanley (MSCI), beliau berkata ia tidak penting.

"Yang penting adalah samada pasaran saham berprestasi baik. Samada ia disenarai atau tidak, ia tidak penting. Orang ramai melabur, banyak dana-dana asing kini masuk.

"Apabila kami mengumumkan cukai keluar dan perubahan kepada syarat kawalan modal berpilih, kami ingat wang akan mengalir keluar, setakat ini tiada siapa yang mengeluarkan wang, sebaliknya banyak wang yang masuk." --
BERNAMA

ES/MR JR